

04 AUG 1997

KAWASAN DI KEDAH DIKENALPASTI UNTUK PROJEK PERTANIAN MODEN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Sebuah kawasan seluas 250 hektar di Kedah dikenalpasti bagi melaksanakan projek pertanian moden yang menggunakan peralatan canggih bagi tanaman dan ternakan, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hari ini.

Katanya kegiatan di situ akan menggunakan jentera canggih pelbagai guna yang boleh melakukan kerja menyemai, tanam, membaja dan juga menuai.

"Ini akan menjimatkan kos berbanding menggunakan jentera yang berbeza untuk kegiatan yang berlainan," katanya pada persidangan media selepas merasmikan Seminar dan Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Kajian Pantai di sini.

Bagaimanapun, Sulaiman enggan menyebut lokasi kawasan itu dan anggaran kos projek tersebut.

Menurutnya pelaksanaan projek itu adalah idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya dari bercuti selama dua bulan di beberapa negara baru-baru ini.

Sulaiman berkata beliau akan menemui Perdana Menteri pada 13 Ogos ini untuk membincangkan mengenai projek itu.

Sebelum itu, ketika berucap merasmikan seminar itu, Sulaiman menyatakan rasa bimbang kerana kesan hakisan pantai di negara ini agak serius iaitu 29 peratus daripada keseluruhan kawasan pantai negara yang kebanyakannya berpunca daripada kurangnya perancangan dalam pembinaan bangunan di kawasan pinggir pantai dan penebangan pokok-pokok di kawasan itu.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh para jurutera, saintis, perancang dari sektor kerajaan dan swasta, ahli akademik, perunding dan kontraktor.

-- BERNAMA

APG MS RON